

Isnin, 25 November 2019 | 2:35pm



FOTO hiasan.

## Harga makanan di warung, restoran catat jumlah aduan tertinggi

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**SUNGAI BESAR:** Kenaikan harga makanan di warung dan restoran merekodkan jumlah aduan tertinggi diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata aduan berhubung perkara itu paling banyak diterima berbanding aduan lain membabitkan isu kepenggunaan di negara ini.



"Dari segi jumlah aduan diterima itu, ia menunjukkan bahawa rakyat kita yang makan di luar terpaksa membayar dengan harga tinggi," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Jeti 3000 Sungai Besar, di sini hari ini.

Sementara itu, mengulas kemungkinan berlaku kenaikan harga ikan sepanjang musim tengkujuh, Saifuddin berkata, setakat ini tiada aduan ketara diterima pihak kementerian berhubung perkara berkenaan.

"Isu harga ini adalah aspek hakiki kementerian dan kita bertindak menggunakan dua cara iaitu melalui operasi pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala," katanya. Beliau menjelaskan harga pasaran ikan bergantung pada jarak bekalan dihantar, selain jenis ikan yang ditangkap.

"Kefahaman terhadap sistem bekalan membantu kita mengetahui harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna. Contohnya di Sungai Besar ini, tangkapan 'mewah' atau hasil terbanyak ialah ikan tongkol yang dijual di sini RM6 hingga RM7 sekilogram.

"Harga runcitnya pula antara RM9 hingga RM10 bergantung kepada saiz ikan, kos pengangkutan dan beberapa faktor lain yang berkaitan," katanya.

